

LAWATAN PEMANTAUAN PENGURUSAN REKOD DI MRS GOMBAK TIMUR

12 Jun 2024 – Gombak Timur

GOMBAK TIMUR, 12 Jun – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) telah mengadakan Lawatan Khidmat Nasihat dan Pemantauan Pengurusan Rekod di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Gombak Timur pada 12 Jun 2024.

Lawatan ini diketuai oleh Pegawai Rekod Jabatan, En. Sofian bin Ibrahim bersama Pembantu Tadbir Rekod Jabatan, Puan Nuraziraakmar binti Othman, dengan penglibatan pegawai dan kakitangan MRS. Tujuan lawatan adalah untuk menilai keberkesanan pengurusan rekod serta menambah baik kaedah penyimpanan dan penjagaan rekod agar sentiasa berada dalam keadaan baik.

Hasil pemantauan mendapati pengurusan rekod Urusan Am dan Fungsian diselia dengan teratur, kertas minit dikemaskini, dan susunan fail mengikut kesesuaian lokasi bilik. Bagi rekod untuk penjilidan, sebanyak 244 folder kes Mal dari tahun 1982 hingga 2014 telah diasingkan dan dimasukkan ke dalam folder 2D putih sebagai persediaan penjilidan, melibatkan keseluruhan 12,677 kes dengan 21,161 helai dokumen.

Selain itu, pemeriksaan turut mendapati penggunaan kotak yang diubah suai sebagai simpanan sementara rekod penting merupakan inisiatif kreatif bagi mengatasi kekurangan rak fail. Pelupusan 2,949 fail Mal telah selesai bagi tahun 2023, manakala proses mengenal pasti fail untuk pelupusan tahun 2024 sedang dijalankan.

Antara cadangan penambahbaikan yang dikemukakan termasuklah:

1. Menyediakan senarai pada kulit depan folder mengikut format ditetapkan. Format penjilidan mengikut tahun dan turutan abjad Plaintiff digalakkan bagi memudahkan carian dan menjimatkan ruang.
2. Menyegerakan penyediaan Senarai Jilid memandangkan MRS Gombak Timur merupakan antara lokasi terlibat dalam projek penjilidan 2024.
3. Penyimpanan rekod untuk penjilidan tidak perlu disertakan kulit fail (rujuk JPR Urusan Fungsian 2020).
4. Menggunakan silica gel bagi kawalan kelembapan bilik rekod yang panas dan kedap udara, sementara menunggu pembekalan dehumidifier.
5. Membaiki siling bilik penyimpanan jilid yang rosak sebagai langkah awal Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR).
6. Memaksimumkan penggunaan rak sedia ada sementara menunggu proses pembelian rak baharu oleh Unit Aset.
7. Menyelaraskan agihan tugas kakitangan bagi pengurusan rekod penting, memandangkan pemantauan mendapati hanya seorang Pembantu Operasi yang menguruskan rekod penjilidan pada masa ini.

